



## YA ALLAH! HAPUSKANLAH DIKTATOR DAN SEGERAKANLAH BERDIRINYA KHILAFAH

Gelaran *the mad man* (lelaki gila) ke atas Kolonel Muammar Gaddafi sememangnya tepat dan tidak dapat dinafikan, malah dia kini kelihatan sedang mengalami delusi dengan apa yang berlaku di sekelilingnya. Si diktator Libya itu nampaknya semakin ganas membunuh rakyatnya dengan mengerahkan tentera untuk berbuat demikian. Hingga kini angka korban masih tidak dapat dipastikan, namun ada yang menyatakan ia telah mencecah 2000 orang. Terbaru, dilaporkan bahawa tentera pro-Gaddafi yang dilengkapi kereta kebal dan senjata antipesawat cuba merampas kembali bandar Zawiyah dalam pertempuran selama enam jam dengan menyerang kedudukan puak yang menentanginya dari enam arah. Namun puak penentang tersebut berjaya mematahkan serangan tentera dalam pertempuran di Zawiyah itu, kira-kira 50 kilometer di barat Tripoli. Juga, terdapat laporan dari sumber Israel yang mengungkapkan bahawa Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, Menteri Pertahanan Ehud Barak, dan Menteri Luar Avigdor Lieberman dalam pertemuan tiga hala pada tanggal 18 Februari lalu, telah membuat keputusan untuk merekrut tentera upahan Afrika yang akan berperang membantu rejim Gaddafi melawan rakyat Libya. Sumber-sumber tersebut mengatakan bahawa Israel melihat revolusi Libya dari perspektif keamanan strategis sehingga Israel menganggap bahawa jatuhnya rejim Gaddafi akan membuka pintu bagi 'rejim Islam' di Libya, demikian menurut laporan Aljazeera.

Krisis di Libya nampaknya tidak akan reda dalam masa terdekat, apatah lagi kini ia diperparah dengan campurtangan dari kuffar Barat. Menurut laporan berita media Iran, Press TV pada 1/3/2011, pemerintah British, Perancis dan Amerika Syarikat (AS) telah pun mengirinkan ratusan penasihat tentera ke Libya untuk mendirikan pengkalan-pengkalan mereka di Libya timur. Menurut para diplomat tersebut, pasukan tentera ketiga-tiga negara tersebut sedang membangun pengkalan-pengkalan mereka di dua kota di Libya timur, Kota Benghazi dan Toburk. Kedua-dua kota yang kaya dengan minyak itu kini telah berada di bawah kawalan puak penentang. Pasukan khusus British dan AS telah memasuki Kota Benghazi dan Toburk pada 23 dan 24 Februari lepas. Sebelumnya, Pentagon telah mengesahkan pengerahan pasukan Angkatan Laut dan Udara ke wilayah berdekatan Libya. Jurucakap Jabatan Pertahanan AS, Kolonel Dave Lapan mengatakan, para perancang di Pentagon sedang mempertimbangkan pelbagai pilihan dan rencana luar jangka (*contingency plan*) seiring dengan pergolakan yang terjadi. Setiausaha Negara AS Hillary Clinton juga telah menegaskan bahawa pemerintah AS akan terus mempertimbangkan semua pilihan yang ada dalam menyelesaikan konflik di Libya.

Sungguh keji apa yang dilakukan oleh Gaddafi ke atas rakyatnya sendiri! Barat pula yang senantiasa memerhati bak singa lapar, semakin maju sedikit demi sedikit mengatur langkah untuk menerkam dan membaham mangsanya (baca: umat Islam). Umat Islam di Libya kini tersepit dari dua penjuru. Inilah masalah yang dihadapi oleh umat Islam, bukan sahaja di Libya, malah di seluruh dunia, sejak jatuhnya Khilafah pada 28 Rajab 1342H (3 Mac 1924) – dari satu sisi mereka terpaksa menghadapi pemimpin mereka sendiri yang zalim serta khianat dan dari sisi yang lain terpaksa berhadapan dengan cengkaman Barat yang tidak pernah lalai menancapkan kukunya ke atas umat Islam.

Sudah begitu lama umat ini menderita dan terkial-kial di dalam mencari penyelesaian terhadap masalah mereka. Rejim demi rejim bersilih ganti hingga menumbuhkan kesedaran di dalam tubuh umat untuk bangkit menentang kezaliman rejim tersebut, namun hingga kini masalah umat Islam masih tak kunjung padam. Apakah yang tidak kena? Di manakah silapnya? Di sinilah Hizbut Tahrir menekankan sejak dahulu, bahawa punca kepada segala masalah ini adalah sistem kufur yang diterapkan oleh rejim-rejim ini. Rejim-rejim tersebut telah mencampakkan hukum Allah dari pemerintahan mereka, dan menggantikannya dengan sistem sekular, baik demokrasi, autokrasi, diktator, monarki, federasi dan sebagainya! Justeru, satu-satunya jalan penyelesaian adalah dengan kembali kepada sistem Islam iaitu sistem Khilafah. Umat ini perlu berusaha dan berjuang untuk menegakkan Khilafah dan melantik serta membaiah seorang Khalifah yang beriman lagi bertakwa, untuk menerapkan hukum berdasarkan Kitabullah dan Sunnah RasulNya.

Dalam suasana kecundangannya rejim sekular/diktator satu per satu yang dapat kita saksikan sekarang, kita juga menyaksikan Barat berusaha bersungguh-sungguh untuk campurtangan dan menyatakan dengan jelas bahawa mereka tidak mahu wujudnya *the Islamic State* (Negara Islam) bagi menggantikan rejim sedia ada. Ya, inilah apa yang mereka katakan dan inilah sebenarnya ketakutan mereka iaitu kembalinya Negara Islam (Khilafah) ke persada dunia. Barat benar-benar faham bahawa sekiranya Daulah Khilafah kembali memerintah dunia, maka ini pasti akan menjadi episod akhir kepada hegemoni mereka. Oleh kerana itulah mereka berusaha mencegahnya dengan bersungguh-sungguh. Namun mereka lupa bahawa umat Islam yang sedang sakit selama ini sesungguhnya sedang sembuh dari sakitnya! Tubuh umat yang lemah selama ini, kini semakin pulih dan semakin menguat. Kekuatan umat Islam semakin hari semakin bertambah dan hanya menunggu masa untuk pulih sepenuhnya. Cuma sayangnya, *ahlul quwwah* (golongan yang memiliki kekuatan - tentera) di kalangan umat Islam masih lagi terleka dan terlena.

Oleh kerana itulah, Hizbut Tahrir tidak jemu-jemu berusaha membangkitkan *ahlul quwwah* ini, mengejutkan mereka dari tilam-tilam mereka, meniupkan kata-kata semangat dan perangsang ke telinga mereka, mengingatkan mereka dengan kemuliaan yang dijanjikan oleh Allah kepada mereka apabila mereka bangkit serta Hizbut Tahrir melaungkan "ALLAHU AKBAR" di hadapan mereka agar mereka tersentak dari leka dan lena mereka yang panjang. Sesungguhnya apabila *ahlul quwwah* ini bangkit bersama-sama dengan umat, maka tidak ada satu kekuatan pun yang dapat mengalahkan mereka...itulah saat kehancuran para pemimpin yang zalim dan saat kebinasaan kuffar Barat! Ya Allah! Engkau hancurkanlah para pemimpin yang zalim dan berikanlah kemenangan kepada kami dengan tegaknya *Daulah al-Khilafah ar-Rasyidah Ala Minhaj Nubuwwah*...

[Berikut adalah terjemahan surat yang dikeluarkan oleh Hizbut Tahrir Pusat yang disebarikan ke seluruh dunia, khususnya di Libya sendiri]

**Wahai Penduduk Libya... Wahai Cucu-Cucu Umar Al-Mukhtar!**

*Bismillahirrahmanirrahim*

Setelah diktator Libya hampir binasa, Barat dengan dua sayapnya, Amerika dan Eropah, terus menghulurkan kepala untuk campurtangan dari segi ketenteraan dan politik dalam usaha mereka untuk merancang pengganti Gaddafi. Barat memasuki Libya atas alasan kononnya untuk memindahkan warganya dari Libya dengan bantuan tentera dan kadang-kadang atas alasan lain, kononnya untuk menjaga hak kemanusiaan dan membentuk zon larangan terbang di Libya. Semua ini adalah seperti yang dikeluarkan dalam kenyataan para pegawai mereka di Eropah dan Amerika pada 25 Februari 2011.

### MINI SEMINAR

**"KEJATUHAN SISTEM ISLAM: BERMULANYA EPISOD LUKA KEHIDUPAN WANITA"**

**Tarikh: 5 Mac 2011 (Sabtu)**

**Tempat: Bilik Seminar, Khilafah Centre, No. 47-1, Jalan 7/7A, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor (Tel: 03-89223149)**

**Masa: 8.30 pagi - 12.30 tghari**

**= Muslimat (Sahaja) Dijemput Hadir, Masuk Percuma =**

Eropah nampaknya mula berusaha memperbaharui pengaruhnya setelah peranan si diktator Gaddafi dalam menjaga pengaruh tersebut selama 40 tahun, tamat. Eropah sudahpun merancang pengganti Gaddafi dalam 'bentuk' yang sama tetapi dengan wajah buruk yang 'lebih baik' untuk mengelabui umat. Amerika pula berusaha menyaingi Eropah dalam merancang pengganti Gaddafi dengan menonjolkan wajah yang 'lebih cantik'! Hakikatnya, kedua-duanya (Eropah dan AS) adalah penjahat yang telah ditolak oleh darah suci dan kaum mukmin...

Wahai Penduduk Libya, Wahai Cucu-Cucu Umar al-Mukhtar...! Darah suci kalian yang tertumpah demi menghancurkan si diktator itu adalah satu-satunya pengganti yang akan mengembalikan Libya ke jejak langkah pertamanya, sebagai negeri Islam yang merdeka dan mulia, yang berhukum dengan syariat Allah... Oleh itu, janganlah sampai kata-kata Barat yang dipermanis dengan tujuan-tujuan kemanusiaan, dapat memperdayakan kalian. Jika kalian terpedaya, lalu meminta mereka untuk meletakkan tempat berpijak (baca: penyelesaian) di dalam urusan kalian, maka kalian akan pasti menyesal di kemudian harinya!

Kalian telah memulakan satu gerakan menentang kezaliman dan kediktatoran dengan niat yang benar, maka teruskanlah dengan niat yang bersih itu. Sesungguhnya hanya tinggal sejenkal sahaja lagi, bahkan lebih dekat, bagi kalian untuk melepaskan diri dari diktator Libya dan kuncu-kuncunya. Oleh itu bersabarlah, teguhlah berdiri di atas kebenaran dan tetaplah berjalan di atasnya. Janganlah kalian jadikan tawaran imperialis Barat itu sebagai perosak jalan kebenaran yang kalian sedang tempuhi. Sebagaimana kalian kuat dalam menghadapi diktator, maka kuatkanlah diri kalian dalam menghadapi campurtangan Barat di negeri kalian yang bersih. Janganlah sampai perjuangan kalian yang diberkati itu menjadi rosak dan janganlah sampai darah suci kalian tercemar...

Wahai Cucu-Cucu Umar al-Mukhtar...Wahai penduduk Libya...! Kalian telah diuji dengan musibah yang bernama Gaddafi. Dia telah mengingkari As-Sunnah dan menyebarkan fitnah. Sesungguhnya manusia yang paling berat ujiannya adalah manusia yang paling mulia, kemudian berikutnya dan yang berikutnya, sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW,

*"Dari Mus'ab bin Sa'ad dari bapanya, ia berkata, aku bertanya, 'Ya Rasulullah siapakah manusia yang paling berat ujiannya?' Baginda menjawab, 'Para Nabi, kemudian yang berikutnya lalu yang berikutnya'"* [HR at-Tirmidzi dan ia berkata: hadis ini hasan sahih].

Di dalam hadis ini terdapat kesaksian untuk kalian dengan kemuliaan. Allah SWT telah membebaskan kalian dari ujian tersebut dengan pengorbanan dan kekuatan tekad kalian, serta cucuran darah kalian yang dihirup oleh diktator hina ini. Dia lupa atau pura-pura lupa, bahawa akan pasti datang hari yang gelap bagi orang yang zalim, di mana dia akan merasakan akibat buruk dari apa yang dilakukannya. Dan sesungguhnya dia sudah hampir jatuh ke dalamnya dan dengan izin Allah dia tidak akan terlepas darinya. Imam al-Bukhari mengeluarkan hadis dari Abu Musa, ia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

*"Sungguh Allah membiarkan orang yang zalim hingga apabila Dia mengambilnya, Dia tidak akan melepaskannya".*

Wahai Cucu-Cucu Umar al-Mukhtar...Wahai Tentera Libya yang Merdeka dan Mulia...! Kalian adalah *ahlul quwwah* (pemilik kekuatan). Kalianlah yang akan menentukan sama ada diktator ini boleh bertahan atau jatuh. Jika kalian berdiri bersama kebenaran dan itulah yang seharusnya kalian lakukan, serta mendokong saudara-saudara kalian yang sedang menentang si diktator ini, maka dia dan para pendukungnya akan pasti jatuh. Dengan itulah kalian menjadi orang-orang mukmin yang membenarkan apa yang telah dijanjikan oleh Allah dan ini adalah kejayaan yang agung.

Namun begitu, sekiranya kalian mendukung si diktator, maka kalian akan pasti memikul dosa di atas bahu-bahu kalian dan kalian akan memikul segala dosa dan darah yang tumpah secara zalim dan penuh permusuhan. Meskipun demikian, apa yang kalian lakukan itu tidak akan dapat menghalang kemarahan umat terhadapnya dan kebinasaan diktator ini tetap ada di tangan umat. Dengan mendukung si diktator, kalian justeru memperpanjangkan umurnya dalam pertumpahan darah dan pembunuhan orang-orang yang tidak bersalah, padahal

kehormatan dan darah seorang Muslim itu lebih agung di sisi Allah daripada kehormatan Kaabah. Ibn Majah mengeluarkan dari Abdullah bin Umar, ia berkata,

*"Aku melihat Rasulullah SAW tawaf mengelilingi Kaabah dan baginda bersabda, 'Alangkah indahnya kamu, alangkah harumnya aromamu dan alangkah agungnya kehormatanmu, demi Zat yang jiwa Muhammad ada di genggamannya kedua tanganNya, sungguh kehormatan seorang mukmin lebih agung di sisi Allah dari kehormatanmu, begitu juga dengan harta dan darahnya..."*

Jika kalian mendukung si diktator ini, maka kalian menjadi penolong orang-orang yang zalim yang akan mengakhiri kehidupan mereka dengan penuh keaiban di dunia dan azab yang menghinakan di akhirat dan itu adalah kerugian yang nyata.

Wahai Cucu-Cucu Umar al-Mukhtar...Wahai Tentera Libya yang Mulia...! Dahulu kalian telah memikul senjata untuk melindungi tanah dan kehormatan kalian, maka janganlah kalian cemari hal itu dengan melindungi kezaliman dan kediktatoran. Ingatlah, kalian adalah cucu-cucu penakluk, para mujahid yang bertolak dengan hentakan kaki-kaki kuda mereka dari bumi kalian yang bersih, lalu mereka memakmurkannya. Mereka bersaksi dengan benar di mana sahaja mereka tinggal, di tepi laut, di puncak gunung, di dataran dan di tengah gurun...

Mereka berperang di jalan Allah melawan kezaliman dan para pengikutnya, para penjahat dan para pendukungnya. Mereka menyungkurkan Itali, sehingga ia lari bertempiran dalam ketakutan dan kekalahan. Jadilah seperti datuk-datuk kalian dan buanglah si diktator dari kedua-dua sisinya. Sesungguhnya itu adalah amal yang akan ditulis di sisi Allah dan di sisi hamba-hambanya dalam lembaran-lembaran yang putih bersih. Jadikanlah amalan ini sebagai amal kalian dan lembaran-lembaran itu menjadi lembaran-lembaran sejarah kalian. Allah bersama kalian dan Dia tidak akan mensia-siakan amalan kalian.

Wahai Cucu-Cucu Umar al-Mukhtar...Wahai Tentera Libya yang Mulia...! Sesungguhnya kalian mampu menyelesaikan masalah ini dengan menghumban diktator penumpah darah itu dan menyelamatkan tanah dan kehormatan umat Islam dari kegilaan dan halusinasinya...Dan pada masa yang sama, sesungguhnya kalian juga mampu menghalang campurtangan Barat dari kedua-dua sayapnya, Eropah dan Amerika, di negeri kalian. Janganlah kalian sia-siakan darah suci yang telah tertumpah. Janganlah sampai pengorbanan ini berlalu dengan sia-sia tanpa apa-apa hasil.

Hizbut Tahrir adalah antara yang awal mengorbankan darah suci dan takwa dalam pemerintahan diktator ini sejak tiga puluh tahun yang lalu. Seramai tiga belas orang *syabab* (pemuda-pemuda) pilihan dan terbaik Hizb telah syahid di tangan diktator durjana ini...Hizbut Tahrir menyeru kebangkitan tekad kalian untuk mencabut diktator Libya ini dari muka bumi dan membenamkannya ke perut bumi. Itu pun jika bumi yang baik ini tidak memuntahkannya kembali!

Wahai Cucu-Cucu Umar al-Mukhtar...Wahai Penduduk Libya...Wahai Tentera Libya yang Merdeka dan Mulia...! Darah suci kalian yang tertumpah di atas tanah Libya yang bersih menjerit meminta kalian agar memenuhi haknya. Oleh itu, jadikanlah harganya sebagai harga yang baik, bersih dan diberkati. Mahkotakanlah penentangan kalian dengan memberikan *nusrah* (pertolongan) kepada Hizbut Tahrir untuk menegakkan Khilafah Rasyidah yang akan menyebarkan keadilan di antara kalian, sehingga dengan itu penduduk bumi ini dapat merasakan kebahagiaan yang membuat iri para penghuni langit. Hizbut Tahrir mengingatkan kalian dengan kebaikan darah yang suci ini...

*"Dan di hari (kemenangan) itu bergembiralah orang-orang yang beriman, kerana pertolongan Allah. Dia menolong siapa yang dikehendakinya. Dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Penayang"* [TMQ ar-Rum (30):4-5].

**Hizbut Tahrir**  
22 Rabiul Awal 1432H  
25 Februari 2011M